



21 MAY, 2024

300 pek barangan terjual pada Program Jualan Agro Madani Sarikei

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

300 pek barangan terjual pada Program Jualan Agro Madani Sarikei

SARIKEI: Sebanyak 300 pek barangan telah berjaya dijual pada Program Jualan Agro Madani di sebuah pasar raya dekat sini, kelmarin.

Ahli Dewan Negara Senator Roderick Wong berkata, jualan tersebut laris dalam tempoh yang singkat.

“Di bawah konsep Malaysia Madani, kerajaan berusaha memperkenalkan pelbagai langkah untuk mengurangkan beban hidup rakyat seperti Program Jualan Agro Madani, Jualan Rahmah, Menu Rahmah dan sebagainya.

“Tujuan utama adalah untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat dan meningkatkan pendapatan



MENDAPAT SAMBUTAN: Program Jualan Agro Madani di Sarikei kelmarin.

usahawan.

Madani bukan sahaja membolehkan peniaga

menjual barangan dengan harga promosi kepada orang memerlukan, bahkan dapat merangsang aktiviti ekonomi perniagaan dan mengurangkan beban hidup rakyat,” kata Wong.

Beliau berkata demikian sejurus selesai melakukan tinjauan ke program tersebut.

Program tersebut adalah anjuran bersama Pusat Khidmat Roderick Wong dan FAMA Sarikei.

Wong berharap program itu dapat mengurangkan beban kehidupan rakyat dan membolehkan golongan sasaran menikmati manfaat yang disediakan kerajaan.

“Dalam program tersebut iatelah menawarkan produk segar dan barang kawalan

pada harga yang berpatutan dengan penjimatan antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran setempat bagi menolong rakyat meringankan beban hidup.

“Set Kombo Madani ini yang mengandungi krimer manis, kentang, bawang besar, mihun dan tepung menarik ramai rakyat untuk membeli.

“Selain itu, tidak sampai sejam ayam berharga RM8 sekilogram juga habis dijual pada Program Jualan Rahmah ini,” kata Wong.

Beliau berterima kasih kepada semua yang terlibat atas kerjasama padu menjayakan program ini.



21 MAY, 2024

300 pek barangan terjual pada Program Jualan Agro Madani Sarikei

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SARIKEI: Sebanyak 300 pek barangan telah berjaya dijual pada Program Jualan Agro Madani di sebuah pasar raya dekat sini, kelmarin. Ahli Dewan Negara Senator Roderick Wong berkata, jualan tersebut laris dalam tempoh yang singkat."Di bawah konsep Malaysia Madani, kerajaan berusaha memperkenalkan pelbagai langkah untuk mengurangkan beban hidup rakyat seperti Program Jualan Agro Madani, Jualan Rahmah, Menu Rahmah dan sebagainya.